

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' HAJI IRMOHIZAM BIN HAJI IBRAHIM

TARIKH: 26 NOVEMBER 2014

SOALAN:

Dato' Haji Irmohizam bin Haji Ibrahim [Kuala Selangor] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) adakah Kerajaan akan mengkaji dan menilai semula kadar gaji minimum dengan mengambil faktor-faktor utama seperti kos sara hidup, indeks garis kemiskinan, produktiviti dan kadar pengangguran semasa; dan
- (b) bilakah Kerajaan untuk menyeragamkan kadar gaji minimum di seluruh negara.

PR-1323-L64150

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kerajaan telah melaksanakan dasar gaji minimum bermula Januari 2013 yang mana matlamat utama dasar ini adalah untuk memastikan keperluan asas pekerja dan keluarga dapat dipenuhi. Dalam hal ini, salah satu kriteria utama penetapan kadar gaji minimum adalah pendapatan garis kemiskinan (PGK) yang digunakan sebagai indikator bagi

menentukan keperluan asas pekerja dan keluarga pekerja. Selain itu, indeks harga pengguna (IHP) juga digunakan bagi menyelaraskan kadar gaji minimum dengan peningkatan kos sara hidup. Sehubungan itu, elemen kos sara hidup telah diambilkira dalam penetapan kadar gaji minimum yang akan dikaji semula dalam tempoh dua tahun sekali supaya selari dengan keadaan ekonomi.

2. Untuk makluman Dewan Yang Mulia, berkenaan dengan penyeragaman kadar gaji minimum di seluruh negara, Kementerian Sumber Manusia sentiasa serius dalam menambahbaik pelaksanaan dasar gaji minimum. Majlis Perundingan Gaji Negara (MPGN) pada masa sekarang sedang mengkaji semula Perintah Gaji Minimum 2012 seperti mana yang diperuntukan di bawah Seksyen 25, Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011(Akta 732) yang menetapkan supaya MPGN mengkaji semula perintah gaji minimum sekurang-kurangnya sekali dalam tiap-tiap 2 tahun.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Bolehlah disimpulkan disini, **penetapan gaji minimum** RM900 bagi Semenanjung Malaysia dan RM800 bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan **pada masa sekarang merupakan langkah permulaan sahaja** yang mana **keputusan ini dibuat selepas mengambilkira faktor-faktor berikut:**

- (i) **gaji penengah di negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan berkenaan adalah rendah** iaitu RM577 bagi Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan dan RM738 bagi Sarawak pada tahun 2009;

- (ii) **tahap kemampuan majikan** yang masih rendah kerana kebanyakan sektor perindustrian di Sabah dan Sarawak masih terlalu berintensifkan buruh dan bergaji rendah; dan

- (iii) **Kesan negatif** sekiranya gaji minimum ditetapkan terlalu tinggi pada peringkat awal adalah seperti berikut:
 - a. kemungkinan majikan-majikan berkenaan akan menghadapi kesukaran kerana tidak mampu menanggung **peningkatan kos operasi secara mendadak**;

 - b. **penutupan operasi** oleh majikan kerana tidak mampu menanggung kos yang tinggi; dan

 - c. **pekerja bakal kehilangan pekerjaan**, sekaligus menimbulkan masalah pengangguran.